

16/12/1997

KPAL sedia sistem lojistik kepada EON

KP ASIA Auto Logistics Sdn Bhd (KPAL), syarikat logistik bersepadu meletakkan sasaran untuk muncul sebagai penyedia sistem lojistik bersepadu untuk industri automobil berikutan perjanjian pengangkutan yang ditandatangani dengan Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON).

Perjanjian itu akan menjana perolehan RM10 juta setahun kepada kepada KPAL.

Mengikut perjanjian itu KPAL akan mengangkut kira-kira 1,000 kereta Proton sebulan ke Sabah dan Sarawak termasuk perkhidmatan pengangkutan darat seperti pelepasan pelabuhan dan kastam, kemudahan penyimpanan, sebelum kereta berkenaan dihantar ke 11 cawangan EON dan pengedar bertauliah di sana.

Pengerusi KPAL, Mirzan Mahathir, berkata perjanjian itu mengukuhkan hubungan perdagangan dengan EON berikutan keupayaan KPAL menyediakan sumber lojistik bersepadu yang kos efektif, bersifat peribadi dan berdaya saing.

Katanya, untuk tujuan itu KPAL menyediakan satu kapal mengangkut kereta Proton ke Sabah dan Sarawak yang diangkut daripada pusat transit kenderaan berkenaan di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang.

"Selain memberi perkhidmatan kepada EON, pusat transit kenderaan KPAL di Pelabuhan Barat juga memberi perkhidmatan kepada pelbagai syarikat pengeluar kenderaan lain seperti Proton, Auto Bavaria, Perodua dan Europel," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani perjanjian pengangkutan dengan EON itu di Shah Alam, semalam.

Menandatangani bagi KPAL adalah Mirzan sementara EON diwakili pengarah urusannya, Datuk Adzmi Abdul Wahab.

Mirzan yang juga Pengerusi Eksekutif Konsortium Perkapalan Bhd (Konsortium) berkata, pihaknya juga dalam perundingan untuk mengkaji kesan kegawatan pasaran semasa kepada perolehan masa hadapan syarikat itu.

Katanya, kumpulan itu yang perniagaannya banyak bergantung kepada aliran perdagangan semasa, mengunjurkan penurunan dalam import dan kini sedang merangka unjuran angka eksport masa hadapan dan kesannya kepada perolehan keseluruhan kumpulan itu.

(END)